

Konvensyen BIO 2004 platform bangunkan bidang teknologi global

Daripada ZULKIFLI JALIL

10/6/04 um ms. 3

ANALISIS BERITA

SAN FRANCISCO — “Anda semua dah melawat ruang pameran Konvensyen BIO 2004 di Moscone Centre dekat ini... ya, mereka (firma-firma bioteknologi di situ) semuanya hebat-hebat belaka, canggih,” bisik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan Konvensyen Persatuan Industri Bioteknologi atau lebih dikenali sebagai BIO di sini, semalam.

Sememangnya BIO 2004 merupakan platform penting bagi mana-mana negara yang berhasrat untuk memperkenalkan, membangunkan serta memajukan bidang teknologi global yang mendatangkan pulangan berbilion-bilion dolar setahun itu.

Di Pusat Moscone, syarikat dan firma bioteknologi terunggul dunia berlumba-lumba berusaha memaparkan hasil penyelidikan dan produk masing-masing.

Atas sebab itu, Abdullah mengutuskan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis dengan disertai delegasi 40 orang ke sini untuk meninjau peluang-peluang dan kerjasama yang boleh dijalin bersama firma bioteknologi terbabit.

Dan tidak hairanlah mengapa beliau sanggup turun ke sini walaupun masih dalam tempoh bercuti untuk melawat ruang-ruang pameran bioteknologi di Pusat Mascone.

Sebagai satu-satunya pemimpin sebuah kerajaan asing yang berbuat demikian, kedatangan singkatnya begitu ‘mengejutkan’ kalangan mereka dalam dewan pameran.

“Adakah itu Perdana Menteri Malaysia?” kata seorang wanita Amerika Syarikat kepada rakan di sebelahnya.

Bagi Duta Malaysia ke Washington, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid, kedatangan Abdullah ke San Francisco bagaikan lawatan rasmi seorang pemimpin sebuah kerajaan asing ke AS.

“Kedatangan beliau memberi kesan yang cukup

besar kepada konvensyen ini iaitu memperlihatkan komitmen bersungguh-sungguh sebuah negara kecil di Asia untuk membangun dan memajukan produk bioteknologi,” ujarnya yang ditemui di sini.

Realitinya lawatan ‘tak rasmi’ Abdullah ke sini dianggap berjaya setelah apa yang diharungi oleh beliau dalam masa tidak sampai lima jam.

Dalam satu majlis makan tengah hari di Hotel Hilton San Francisco di sini, Abdullah telah menarik minat beberapa firma bioteknologi bertaraf dunia untuk mengembangkan pelaburan mereka di Malaysia.

Antaranya Hudson Health Science Centre, Aqua Bounty Technologies Inc., Monsanto, Inhibitex, IBM Healthcare dan Life Science dan Novartis Institutes.

Firma yang lain ialah Biomira, Cargill Incorporated, Donald Danforth Plant Science Centre, Dow Agro-Sciences, Burril & Company dan Chiron BioPharmaceuticals.

Sebahagian besar daripadanya pakar dalam bidang farmaseutikal, pengeluaran ubat-ubatan.

“Ada beberapa firma menunjukkan minat dan kita akan cuba memberi kemudahan insentif seperti mana yang dilakukan sebelum ini,” kata Abdullah.

Ironinya terdapat banyak sebab mengapa Malaysia menjadi pilihan firma-firma bioteknologi dunia untuk dijadikan tapak membangunkan produk mereka.

Selain kaya dengan sumber tropika dengan memiliki kira-kira 150,000 spesies fauna, 15,000 spesies flora dan 4,000 jenis ikan serta ditambah kewujudan 13 universiti yang menawarkan program-program bioteknologi, kestabilan politik Malaysia dikatakan menjadi daya tarikan.

Raut wajah Abdullah yang ditemui sebelum berlepas dari hotelnya di sini jelas memperlihatkan beliau berpuas hati dengan hasil kunjungannya ke sini.

Beliau yakin bidang bioteknologi akan menjana sumber kekayaan dan pendapatan kepada rakyat.

“Saya percaya mereka (firma-firma bioteknologi asing) akan datang ke Malaysia, malahan beberapa daripada mereka telah pun menunjukkan minat itu,” katanya.

Kunjungan singkat Abdullah semasa bercuti ke sini membuah harapan demi untuk meletakkan Malaysia dalam peta bioteknologi dunia. — Utusan